Sedia buka opsyen tambahan

Kepada penerima PSP yang berasakan mereka layak untuk mengemukakan permohonan

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

KUALA LUMPUR

Kerajaan sedia membuka opsyen tambahan kepada rakyat Malaysia yang berasakan mereka layak menerima manfaat Program Subsidi Petrol (PSP) untuk mengemukakan permohonan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, secara dasarnya kerajaan komited melaksanakan skim subsidi petrol bersasar sebagaimana dijanjikan dan telah mengenal pasti penerimanya.

Menurutnya, statistik dapatan pihaknya turut mendapati rakyat Sabah dan Sarawak mencatatkan jumlah penggunaan petrol lebih rendah berbanding Semenanjung Malaysia.

"Tetapi kalau ada yang rasa mereka layak untuk menerimanya (tetapi tidak dimasukkan dalam golongan sasaran), kita terbuka menerima permohonan mereka," katanya kepada media di lobi Parlimen semalam.

Saifuddin berkata, skim PSP juga dijangka tidak memberi kesan kepada kadar inflasi negara kerana kerajaan sudah boleh membuat jangkaan kenaikan harga minyak petrol dalam tempoh sekurang-kurangnya dua tahun.

Menurutnya, berdasarkan harga minyak semasa, syarikat minyak mentah meramalkan kedudukan harga minyak mentah antara AS$50 hingga AS$60 setong.

"Semalam (kelmarin) semasa saya membuat pengumuman pelancaran PSP, harga minyak sekitar AS$58.27 setong.

'Kalau ramalan (harga minyak dibuat) dua atau tiga tahun sekitar angka tersebut, kita boleh buat jangkaan kenaikan harga yang akan kita beri merangkumi angka berapa," katanya.

PSP yang dilancarkan kerajaan kelmarin akan menyalurkan bantuan tunai yang dikreditkan terus kepada akaun penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan bagi setiap empat bulan sekali bermula awal tahun depan.

Saifuddin berkata, kadar subsidi petrol adalah RM30 bagi kereta dan motosikal sebanyak RM12 setiap sebulan.

Menurutnya, pihaknya menjangkakan sebanyak 2.9 juta penerima akan mendapat manfaat daripada program subsidi tersebut dan anggaran tanggungan bagi pelaksanaan tersebut adalah RM65.4 juta sebulan.

Katanya, program itu merupakan satu bentuk bantuan kewangan bagi membantu rakyat membiayai sebahagian kos penggunaan petrol.



Sinar harian
suara cakna komuniti anda
HARI : RABU
TARIKH : 9/10/2019
M/SURAT : 10